

MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

30 September 2016

KEMASKINI PASARAN MODAL DAN KAWAL SELIA

LAPORAN KHAS CLSA: LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT 2016

Laporan ACGA-CLSA CG 2016 bertajuk "Kepentingan Ekosistem" meletakkan Malaysia di tempat ke-6 daripada 11 buah negara berbanding tempat ke-4 dalam Laporan 2014. Malaysia mencatatkan 56 mata berbanding 58 mata sebelum ini. Laporan menyatakan kedudukan Malaysia telah diseret ke bawah berikutan kegagalan tadbir urus awam, khususnya isu 1MDB.

Singapura menduduki tempat teratas dengan 67 mata, diikuti oleh Hong Kong (65) dan Jepun (63), Taiwan (60), Thailand (58), Malaysia (56), India (55), Korea (52), China (43), Filipina (38) dan Indonesia (36).

Australia, yang memasuki senarai Laporan tahun ini sebagai penanda aras, mencatatkan 78 mata.

Laporan menganalisis skor terkumpul setiap negara dalam lima kategori iaitu peraturan dan amalan tadbir urus korporat, penguatkuasaan, persekitaran politik dan kawal selia, perakaunan dan pengauditan serta budaya tadbir urus korporat.

Menurut Laporan, seluruh ekosistem perlu memacu dan menyampaikan proses tadbir urus yang baik. Pihak berkepentingan perlu mengekalkan penglibatan untuk menambah nilai.

Beberapa penambahbaikan ketara yang dikenal pasti dalam Laporan adalah amalan pengundian pungutan suara mandatori, keperluan pendedahan untuk Analisis dan Perbincangan Pengurusan, serta peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh pengawal selia barisan hadapan pasaran modal. Evolusi pengawasan dengan pelancaran Kod bagi Pelabur Institusi Malaysia pada tahun 2014, dianggap positif, walaupun tahap kesedaran agak perlahan.

Menurut Laporan, penurunan pada masa depan mungkin disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- Kegagalan mengekalkan momentum penguatkuasaan dan pengawasan
- Kadar pembaharuan pengawalseliaan yang lambat
- Aplikasi amalan pengawasan yang perlahan oleh pelabur-pelabur institusi utama
- Kemerosotan dalam kebebasan akhbar dan keupayaan untuk melaporkan berita mengenai tadbir urus korporat
- Kekurangan penambahbaikan dalam tadbir urus awam

Beberapa solusi pantas yang dicadangkan adalah:

- Menyediakan maklumat yang lebih terperinci mengenai kes penguatkuasaan kawal selia, termasuk analisis statistik trend penguatkuasaan
- Menambah baik pendedahan mengenai ganjaran supaya pelabur mengetahui jumlah yuran dan dapat memahami sekurang-kurangnya struktur gaji pengurusan, walaupun tidak diperincikan kepada individu
- Menegaskan definisi 'pengarah bebas', termasuk memanjangkan tempoh bertenang
- Para pelabur perlu lebih tegas dalam menyatakan pandangan mereka mengenai tadbir urus korporat, strategi, kemampunan dan peruntukan modal serta menandatangani Kod bagi Pelabur Institusi Malaysia

Laporan Tadbir Urus Korporat ini juga menyentuh secara tidak langsung, yang 15 tahun akan datang adalah tentang membangunkan minda korporat yang lebih terbuka. Selain itu, ia menyatakan pelabur institusi perlu menggunakan autoriti moral yang diberikan kepada mereka melalui kod pengawasan dan menjalankan hak pemilikan yang diwakilkan oleh benefisiari mereka.

KOMEN MSWG:

Kami percaya sebahagian daripada isu berkaitan Malaysia yang dibangkitkan dalam Laporan itu tidak hanya dialami di negara ini, malah juga di negara-negara Asia lain dan merupakan fenomena global. Walaupun isu 1MDB tidak menjejaskan tadbir urus awam, namun dari sisi lain, tadbir urus korporat telah meningkat dengan mantap. Ini dibuktikan oleh analisis MSWG ketika menghadiri AGM syarikat serta melibatkan diri dalam pengurusan mereka di semua peringkat. Di samping itu, perlu diambil perhatian bahawa institusi barisan hadapan kami terus dibekalkan dengan sumber yang baik, berdaya tahan dan teguh.

Walau bagaimanapun, kami mencadangkan supaya Laporan ini dilihat secara positif. Jelas sekali, ada penambahbaikan yang boleh dibuat dengan menangani beberapa isu asas yang dibangkitkan dalam Laporan. Sebagai sebuah negara, Malaysia berupaya mengaplikasikan penambahbaikan ini dan bersedia membawa amalan dan budaya tadbir urus korporat ke tahap yang lebih tinggi. Kami akan mengulas lanjut mengenai perkara itu sebaik sahaja kami mendapatkan Laporan penuh.

Kami mencadangkan supaya diadakan suatu debat terbuka antara penyedia Laporan dan 11 negara yang dinilai sebagai tindakan seterusnya. Ia merupakan peluang yang baik untuk mengetahui:-

- (i) sejauh mana pengaruh tadbir urus awam ke atas tadbir urus korporat;
- (ii) keupayaan tadbir urus korporat mempengaruhi tadbir urus awam; dan
- (iii) takrif "ekosistem" dan peranan pihak korporat dalam meningkatkan nilai pemegang saham dari masa ke masa.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

CLIQ ENERGY BERHAD ("CLIQ")

Lembaga Pengarah CLIQ yang diwakili oleh Pengarah Bebas mengumumkan, pada 26 September 2016, mereka telah menerima surat tuntutan yang ditandatangani oleh Best Oracle Sdn Bhd, Kandiah Subramaniam dan Mohd Adam Bin Mohd Said ("Pemegang Saham") dan mereka meminta syarikat mengadakan mesyuarat agung menurut Seksyen 144 Akta Syarikat, 1965 untuk mempertimbangkan dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan resolusi berikut:

- i. Resolusi 1 - SUPAYA para Pengarah syarikat diarahkan berusaha sehabis baik demi mendapatkan lanjutan masa daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk menyelesaikan Perolehan Kelayakan.
- ii. Resolusi 2 - SUPAYA berikutan Resolusi 1 di atas, syarikat itu tidak boleh dibubarkan dan/atau digulung dan/atau dicairkan sementara menunggu selesainya Perolehan Kelayakan.

Lembaga Pengarah akan membincangkan perkara itu dan pengumuman terkini akan dibuat dalam masa terdekat.

[Sumber: Pengumuman CLIQ di laman web Bursa Malaysia pada 26 September 2016]

KOMEN MSWG:

- Mahkamah telah meluluskan pelantikan Crowe Horwath sebagai pembubar. Oleh itu, pembubar akan diberi kuasa untuk mengambil alih hal ehwal CLIQ dan Lembaga Pengarah akan menyediakan penyata hal ehwal dan berhenti daripada memegang peranannya, selaras dengan Seksyen 228 Akta Syarikat, 1965;
- Tindakan oleh Best Oracle Sdn Bhd, yang merupakan pihak yang membantah Petisyen itu, tidak berjaya.

Kami percaya Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan semua aspek yang berkaitan kes itu, keputusan yang dibuat oleh pihak kawal selia dan penghakiman Mahkamah apabila memenuhi permintaan pemegang saham demi kepentingan semua pemegang saham.

PJ DEVELOPMENT HOLDINGS BERHAD ("PJD") / OSK HOLDINGS BERHAD ("OSK")

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh PJD pada 26 September 2016, pembuat tawaran memegang 91.443% daripada jumlah saham berbayar PJD. Tarikh tutup pertama tawaran itu akan berakhir pada 11 Oktober 2016.

[Sumber: Pengumuman PJD di laman web Bursa Malaysia pada 26 September 2016]

KOMEN MSWG:

Dalam surat berita kami bertarikh 9 September 2016, kami ada menyatakan tawaran harga untuk saham dan waran PJD adalah tidak wajar. Sehubungan itu, kami telah menjemput para pemegang saham PJD untuk menghadiri forum kami pada 14 September 2016 untuk mendapatkan pandangan pemegang saham PJD, terutama pemegang saham minoriti mengenai penswastaaan PJD. Walau bagaimanapun, kehadiran di forum itu amat mendukacitakan dengan kehadiran hanya 5 orang awam dan seorang wartawan. Tiada seorang pun pemegang saham PJD menghadiri forum itu dan tiada siapa bertanyakan soalan berkaitan pengambilalihan.

Berikutan perkara di atas dan berdasarkan tahap penerimaan tawaran OSK yang tinggi, kami percaya dagangan saham PJD akan digantung tidak lama lagi dan akhirnya dinyahsenarai.

YFG BERHAD (“YFG”)

YFG telah mengadakan EGM pada 29 September 2015 berkaitan penyingkiran dan pelantikan pengarah.

Keputusan pengundian untuk resolusi EGM adalah seperti berikut:

Resolusi	Undi Memihak		Undi Memihak		Keputusan
	Jumlah Undi	%	Jumlah Undi	%	
Resolusi 1 - Penyingkiran Pengarah (Dr Roslan Bin A Ghaffar)	207,002,271	79.68	52,799,184	20.32	Dilaksanakan
Resolusi 2 - Penyingkiran Pengarah (Lim Chong Ling)	207,001,106	79.68	52,800,349	20.32	Dilaksanakan
Resolusi 3 - Penyingkiran Pengarah (Soo Hon Chong)	207,001,171	79.68	52,800,284	20.32	Dilaksanakan
Resolusi 4 - Penyingkiran Pengarah (Rezal Zain Bin Abdul Rashid)	207,151,271	79.73	52,650,284	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 5 - Penyingkiran Pengarah (Ab. Gani Bin Haron)	207,152,271	79.73	52,649,184	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 6 - Penyingkiran Pengarah (Chee Hor Wooi)	207,001,106	79.68	52,800,284	20.32	Dilaksanakan
Resolusi 7 - Penyingkiran Pengarah (Tan Gem Suan)	T/B	T/B	T/B	T/B	Resolusi ditarik balik
Resolusi 8 - Penyingkiran Pengarah (mana-mana orang yang mungkin sudah dilantik sebagai pengarah YFG pada bila-bila masa atau masa antara 23 Ogos 2016 sehingga dan termasuk masa tamatnya resolusi biasa berkenaan penyingkiran pengarah)	207,091,106	81.18	47,999,784	18.82	Dilaksanakan
Resolusi 9 - Pelantikan Pengarah (Leong Ngai Seng)	207,148,171	79.73	52,653,284	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 10 - Pelantikan Pengarah (Ting Keng Fui)	207,149,271	79.73	52,652,184	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 11 - Pelantikan Pengarah (Noel Joseph Ha Thien Sen)	207,149,271	79.73	52,652,184	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 12 - Pelantikan Pengarah (Lim Yoke Cheng)	206,998,171	79.68	52,803,284	20.32	Dilaksanakan
Resolusi 13 - Pelantikan Pengarah (Teh Yee Joo)	207,148,171	79.73	52,653,284	20.27	Dilaksanakan
Resolusi 14 - Pelantikan Pengarah (Ong Kenn Tat)	206,998,171	79.68	52,803,284	20.32	Dilaksanakan

[Sumber: Pengumuman YFG di laman web Bursa Malaysia pada 29 September 2016]

KOMEN MSWG:

Wakil MSWG menghadiri EGM sebagai pemerhati. Mesyuarat telah berjalan dengan baik dan tanpa konfrontasi. Ada beberapa perbincangan antara ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham yang berlangsung selama kira-kira dua jam.

Kebimbangan kami ialah bagaimanakah pelan baru Lembaga Pengarah dapat memulihkan syarikat itu daripada status PN17? MSWG telah mula membuat liputan dan pemantauan ke atas YFG berkenaan rancangan penyusunannya di bawah status PN17.

EKOVEST BERHAD (“EKOVEST”)

Lembaga Pengarah Ekovest mengumumkan, anak syarikat milik penuhnya, Nuzen Corporation Sdn Bhd telah memeterai terma persetujuan bersama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) untuk melupuskan kepentingan ekuiti 40% yang dipegang oleh Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd (“Kesturi”) kepada KWSP.

[Sumber: Pengumuman Ekovest di laman web Bursa Malaysia pada 21 September 2016]

KOMEN MSWG:

Pelupusan 40% kepentingan dalam Kesturi untuk pertimbangan tunai agregat berjumlah RM1.13 bilion tertakluk pada kelulusan pemegang saham Ekovest. Kami percaya pemegang saham akan

menyokong pelupusan ini memandangkan transaksi itu dibuat pada harga empat kali lebih tinggi daripada penilaian Kesturi dua tahun lalu.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi PJ Development Holdings Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.